

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: Spirit Of Anti-Hopping Law Must Be Upheld To Strengthen Trust In Democracy

Kuala Lumpur, 12 July 2024 – The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is deeply concerned about the recent decision by Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul to allow six former Bersatu MPs to retain their seats after being expelled from their party. This development could undermine the purpose of Malaysia's anti-party hopping law and erode public trust in democratic processes.

IDEAS emphasises the critical importance of adhering to the spirit of the anti-party hopping law which was established in 2022 to ensure political stability and protect the opposition's role in parliament. "This law is fundamental to maintaining trust in our democratic system. It was created to prevent elected representatives from switching parties for personal gain, which can destabilise the government and undermine voter confidence. Any deviation from its principles can jeopardise the stability it aims to create and erode the trust that the public has in our democratic institutions," says Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

IDEAS calls for transparent communication of such pivotal decisions to the public. "The internal dealings that happen to entice MPs to switch sides has not only eroded trust in our institutions, but also exposes our democracy to money politics. We are concerned that the Speaker's decision might set the wrong precedent, whereby future similar cases of switching support might go unpunished," ends Dr Tricia Yeoh.

-ENDS-

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

IDEAS: Berpegang Teguh dengan Roh Undang-Undang Antilompat Parti, Kukuhkan Keyakinan Terhadap Demokrasi

Kuala Lumpur, 12 Julai 2024 – Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) amat bimbang dengan keputusan terkini oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, yang membenarkan enam bekas Ahli Parlimen Bersatu mengekalkan kerusi mereka selepas dibatalkan keanggotaan daripada parti. Perkembangan ini boleh merosakkan tujuan undang-undang antilompat parti Malaysia dan menghakis kepercayaan awam terhadap proses demokrasi.

IDEAS menekankan kepentingan untuk mematuhi roh undang-undang antilompat parti yang dilaksanakan pada tahun 2022 untuk memastikan kestabilan politik dan melindungi peranan pembangkang dalam parlimen. "Undang-undang ini adalah asas untuk mengekalkan kepercayaan dalam sistem demokrasi kita. Ia diwujudkan untuk menghalang wakil rakyat yang dipilih daripada bertukar parti demi keuntungan peribadi, yang boleh menggugat kestabilan kerajaan dan menghakis keyakinan pengundi. Sebarang penyelewengan daripada prinsip-prinsipnya boleh membahayakan kestabilan yang ingin dicapai dan menghakis kepercayaan awam terhadap institusi demokrasi kita," kata Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

IDEAS menyeru komunikasi yang telus mengenai keputusan sebegini penting kepada awam. "Tawar-menawar yang berlaku untuk memikat Ahli Parlimen menukar sokongan bukan sahaja menghakis kepercayaan terhadap institusi kita, tetapi juga mendedahkan demokrasi kita kepada budaya politik wang. Kami bimbang keputusan Yang Dipertua Dewan Rakyat ini mungkin menetapkan contoh yang salah, di mana kes serupa pada masa hadapan mungkin tidak dihukum," kata Dr Tricia Yeoh.

-TAMAT-

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus,, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my